

06 JAN 2001

Abdullah-Hamid

HORMATI KEPUTUSAN ABDUL HAMID LETAK JAWATAN - ABDULLAH

MELAKA, 6 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata semua pihak perlu menghormati keputusan Datuk Paduka Dr Abdul Hamid Othman meletak jawatan sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

"(Abdul Hamid) letak jawatan atas pilihan beliau sendiri kerana hendak memberi tumpuan kepada hal berkaitan dengan agama Islam dan masyarakat Melayu," katanya ketika diminta mengulas mengenai pengumuman peletakan jawatan berkenaan semalam.

Abdullah, yang juga Timbalan Presiden Umno, ditemui pemberita selepas menghadiri perjumpaan Aidilfitri anjuran Badan Perhubungan Umno Melaka di Seri Bendahara di sini malam tadi.

"Abdul Hamid juga telah berbincang dengan pucuk pimpinan kerajaan dan parti berhubung cadangan peletakan jawatan itu dan kita hormati keinginan beliau itu," katanya.

Abdullah bagaimanapun berkata peletakan jawatan itu tidak bermakna Abdul Hamid tidak akan memainkan peranan dalam kerajaan atau parti kerana dia masih kekal sebagai senator dan ahli Majlis Tertinggi.

"Kita gembira kerana (dia) tak letak jawatan MT dan senator...boleh beri pandangan dan ada peranan," katanya.

Abdul Hamid memaklumkan bahawa dia ingin memberi tumpuan lebih pada hal berkaitan dengan agama Islam dan masyarakat Melayu dan tidak mahu terikat dengan kerja-kerja kerajaan sebagai menteri.

Peranan yang akan dimainkan seperti itu adalah penting bagi menjelaskan kekeliruan yang ditimbulkan oleh sesetengah pihak berhubung dengan tuntutan fardu ain dan fardu kifayah, kata Abdullah.

Abdullah berkata pembangunan itu penting tetapi ada pihak berkata orang Melayu tidak perlu belajar apa-apa kerana cukup belajar agama sahaja.

"Pandangan disebarikan (seperti itu) merugikan orang Islam...pandangan itu perlu dibanteraskan dan kita harap cita-cita Abdul Hamid tercapai," katanya.

Mengenai pengganti Abdul Hamid dalam kabinet, Abdullah berkata keputusan berkenaan akan dibuat oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

-- BERNAMA

MOZ AKD